

**KEBERKESANAN KAEDAH HAKIKI DALAM  
PEMBELAJARAN TILAWAH AL-QURAN  
MURID BERKEPERLUAN KHAS (MBK)  
BERMASALAH PEMBELAJARAN:  
KAJIAN DI DAERAH JERANTUT**

**RABIATULADAWIYAH BINTI SALEH**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2021**

**KEBERKESANAN KAEDAH HAKIKI DALAM  
PEMBELAJARAN TILAWAH AL-QURAN  
MURID BERKEPERLUAN KHAS (MBK)  
BERMASALAH PEMBELAJARAN:  
KAJIAN DI DAERAH JERANTUT**

oleh

**RABIATULADAWIYAH BINTI SALEH**

**Tesis ini diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sastera**

**April 2021**

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah Yang Maha Kuasa kerana dengan limpah dan izin-Nya, telah memberi petunjuk, ilham serta kekuatan kepada saya bagi menyempurnakan tesis sarjana saya ini dengan jayanya walaupun menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan. Alhamdulillah.

Di kesempatan ini, saya ingin tujukan jutaan terima kasih yang tidak terhingga khas buat Prof. Madya Dr. Mohd Nizam Bin Sahad selaku penyelia yang juga mentor saya di atas kesabaran, bimbingan, sokongan, dan tunjuk ajar yang diberikan secara terus kepada saya bagi menyempurnakan tesis ini. Segala bantuan, semangat dan strategi yang diberikan banyak mengajar saya menjadi seorang penyelidik yang baik. Tidak dilupakan kepada barisan penyarah dan staf Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan yang memberi bantuan sehingga tesis ini berjaya disempurnakan.

Terima kasih kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Pahang yang telah memberi peluang kepada saya cuti belajar bagi melanjutkan pengajian ke peringkat ini. Tidak lupa juga Pejabat Pendidikan Daerah Jerantut, warga PPKI daerah Kuala Lipis dan daerah Jerantut yang memberi sokongan serta memudahkan proses mengutip data.

Ribuan terima kasih kepada suami tercinta Tuan Mohd Faiz Bin Tuan Ahmad dan kedua anak tersayang Tuan Muhammad Abdul Rahman dan Tuan Ahmad Qasim atas kesabaran, sokongan, galakan, toleransi, bantuan, kata-kata yang positif, dan doa kalian sehingga tesis ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Ucapan terima kasih kepada orang tua yang saya sanjungi dan hormati, ibunda tercinta Bedah Chek, yang

sentiasa memberi doa, restu dan peringatan yang amat saya perlukan. Moga Allah sentiasa redhai dan rahmati beliau. Sesungguhnya pengorbanan, galakan dan semangat yang kalian berikan kepada saya amat bermakna dan akan saya ingatinya sepanjang masa.

Akhir kalam, ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung yang memberi sumbangan, kerjasama, idea dan buah fikiran dalam menyiapkan tesis ini. Hanya Allah jua yang membalas sebaiknya. Semoga segala usaha yang kita semua berikan akan dikira sebagai pahala oleh Allah.

## SENARAI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN</b> .....	<b>ii</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN</b> .....	<b>iv</b>
<b>SENARAI JADUAL</b> .....	<b>x</b>
<b>SENARAI RAJAH</b> .....	<b>xii</b>
<b>SENARAI GRAF</b> .....	<b>xiii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b> .....	<b>xiv</b>
<b>PANDUAN TRANSLITERASI</b> .....	<b>xv</b>
<b>ABSTRAK</b> .....	<b>xvi</b>
<b>ABSTRACT</b> .....	<b>xviii</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN</b> .....	<b>1</b>
1.1 Pendahuluan .....	1
1.2 Latar Belakang Kajian .....	8
1.3 Penyataan Masalah.....	13
1.4 Objektif Kajian.....	19
1.5 Persoalan Kajian .....	20
1.6 Kepentingan kajian .....	21
1.6.1 Kepentingan kepada KPM .....	21
1.6.2 Kepentingan kepada guru.....	22
1.6.3 Kepentingan kepada masyarakat.....	23
1.6.4 Kepentingan kepada Penyelidik.....	23
1.7 Batasan Kajian .....	23
1.7.1 Batasan Tajuk.....	23
1.7.2 Batasan lokasi .....	24
1.7.3 Batasan Sampel .....	24
1.7.4 Batasan Ayat .....	24

1.8	Definisi Operasional .....	25
1.8.1	Keberkesanan .....	25
1.8.2	Kaedah <i>Haraki</i> .....	25
1.8.3	Tilawah Al-Quran .....	26
1.8.4	Murid Bekeperluan Khas (MBK) .....	27
1.9	Kesimpulan .....	27
<b>BAB 2 SOROTAN LITERATUR KAJIAN .....</b>		<b>29</b>
2.1	Pendahuluan .....	29
2.2	Konsep Pendidikan Al-Quran .....	29
2.3	Pembelajaran Tilawah Al-Quran .....	31
2.4	Pengajaran Al-Quran Pada Zaman Nabi Dan Sahabat .....	35
2.5	Pengajaran Al-Quran Masa Kini.....	37
2.5.1	Kaedah Hattawiyah .....	38
2.5.2	Kaedah Baghdadiah .....	39
2.5.3	Kaedah <i>Iqra'</i> .....	40
2.5.4	Kaedah Al-Matien.....	41
2.5.5	Kaedah Al-Furqan.....	42
2.5.6	Kaedah Al- Jabari.....	43
2.5.7	Kaedah Fasih .....	44
2.5.8	Kaedah Tahfiz Akhyar .....	46
2.5.9	Kaedah Tilawah Asyraf .....	47
2.5.10	Kaedah <i>Haraki</i> .....	48
2.5.10(a)	Sejarah Kaedah <i>Haraki</i> .....	48
2.5.10(b)	Pengenalan Huruf Hijāiyyah .....	52
2.5.10(c)	Pergerakan Tangan .....	55
2.5.10(d)	Pengenalan Baris .....	57
2.5.10(e)	Penilaian Kaedah <i>Haraki</i> .....	59

2.6	Murid Berkeperluan Khas .....	60
2.7	Hukum MBK mempelajari Al-Quran .....	63
2.8	Kerangka Teori Kajian.....	69
2.9	Kerangka Konseptual kajian .....	72
2.10	Dapatan Kajian Lalu .....	73
2.11	Kesimpulan .....	79
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN .....</b>		<b>80</b>
3.1	Pendahuluan .....	80
3.2	Reka Bentuk Kajian .....	80
3.3	Persampelan .....	85
3.4	Instrumen .....	91
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan .....	93
3.5.1	Kesahan Kandungan .....	93
3.5.2	Kesahan Muka .....	94
3.5.3	Kesahan Dalaman .....	97
3.6	Ujian Rintis .....	100
3.6.1	Dapatan Kajian Rintis .....	102
3.7	Pengumpulan Data .....	103
3.8	Analisis Data .....	104
3.9	Prosedur pelaksanaan kajian .....	105
3.10	Kesimpulan .....	108
<b>BAB 4 DAPATAN KAJIAN .....</b>		<b>109</b>
4.1	Pendahuluan .....	109
4.2	Pengagihan Sampel Kajian .....	109
4.3	Analisis Dapatan Kajian .....	110
4.3.1	Perbandingan sebelum Rawatan dijalankan.....	114
4.3.2	Perbandingan Pra dan Pasca di antara Kumpulan.....	115

4.3.3	Dapatan bagi Pencapaian Huruf <i>Hijāiyyah</i> Tunggal .....	116
4.3.3(a)	Tahap dan Peratusan Pencapaian Huruf <i>Hijāiyyah</i> Tunggal Kumpulan Rawatan.....	117
4.3.3(b)	Tahap dan Peratusan Pencapaian Huruf <i>Hijāiyyah</i> Tunggal Kumpulan Kawalan .....	118
4.3.3(c)	Ujian -T Perbezaan Kebolehan Menyebut Huruf <i>Hijāiyyah</i> Tunggal.....	120
4.3.4	Dapatan bagi Pencapaian Huruf <i>Hijāiyyah</i> Tunggal Berbaris .....	121
4.3.4(a)	Tahap dan Peratusan Pencapaian Huruf <i>Hijāiyyah</i> Berbaris Kumpulan Rawatan .....	121
4.3.4(b)	Tahap dan Peratusan Pencapaian Huruf <i>Hijāiyyah</i> Berbaris Kumpulan Kawalan .....	123
4.3.4(c)	Ujian-T Perbezaan Kebolehan Menyebut Huruf <i>Hijāiyyah</i> Tunggal Berbaris .....	125
4.3.5	Dapatan bagi Pencapaian Huruf <i>Hijāiyyah</i> Bersambung.....	126
4.3.5(a)	Tahap dan Peratusan Pencapaian Huruf <i>Hijāiyyah</i> Bersambung bagi Kumpulan Rawatan.....	126
4.3.5(b)	Tahap dan Peratusan Pencapaian Huruf <i>Hijāiyyah</i> Bersambung bagi Kumpulan Kawalan.....	127
4.3.5(c)	Ujian-T Perbezaan Kebolehan Menyebut Huruf <i>Hijāiyyah</i> Bersambung.....	128
4.3.6	Dapatan bagi Pencapaian Potongan kalimah ayat al-Quran .....	129
4.3.6(a)	Tahap dan Peratusan Pencapaian membaca Potongan Kalimah Pendek bagi Kumpulan Rawatan.....	130
4.3.6(b)	Tahap dan Peratusan Pencapaian Potongan Kalimah Pendek bagi Kumpulan Kawalan .....	131
4.3.6(c)	Ujian -T Perbezaan Kebolehan membaca Potongan Kalimah pendek ayat al-Quran.....	132
4.3.7	Dapatan bagi Pencapaian Keratan Ayat Al-Quran .....	133
4.3.7(a)	Tahap dan Peratusan Pencapaian Membaca Keratan ayat al-Quran Bagi Kumpulan Rawatan .....	133
4.3.7(b)	Tahap dan Peratusan Pencapaian Membaca Keratan ayat al-Quran Bagi Kumpulan Kawalan .....	135



4.3.7(c)	Ujian -T Perbezaan Kebolehan Membaca Keratan Ayat al-Quran.....	136
4.3.8	Dapatan Skor Ujian.....	138
4.3.8(a)	Dapatan Skor Ujian Pasca Kaedah Haraki.....	138
4.3.8(b)	Dapatan Skor Ujian Pasca Kaedah Iqra'.....	139
4.3.8(c)	Ujian -t Perbezaan Skor Ujian Murid Kaedah Haraki dan Kaedah Iqra'.....	141
	4.3.8(c)(i) Kumpulan Rawatan.....	141
4.3.8(d)	Kumpulan Kawalan.....	142
	4.3.8(d)(i) Perbandingan Ujian T Kaedah Haraki dan Kaedah Iqra.....	143
4.4	Perbincangan Dapatan Kajian.....	144
4.5	Analisis Keseluruhan.....	146
4.5.1	Keberkesanan Kaedah <i>Haraki</i> Terhadap Pembelajaran Huruf Hijāiyyah Tunggal.....	149
4.5.2	Keberkesanan Kaedah <i>Haraki</i> Terhadap Membaca Huruf Hijāiyyah Tunggal Berbaris.....	154
4.5.3	Keberkesanan Kaedah <i>Haraki</i> Dalam Membaca Huruf Bersambung.....	156
4.5.4	Keberkesanan Kaedah <i>Haraki</i> Dalam Membaca Potongan Ayat Al-Quran.....	158
4.5.5	Keberkesanan Kaedah <i>Haraki</i> Dalam Membaca Keratan Ayat al-Quran.....	160
4.5.6	Bahan Bantu Mengajar.....	164
4.5.7	Latih Tubi.....	167
4.5.8	Pengulangan Huruf, Perkataan Atau Ayat Yang Dibaca.....	169
4.6	Kesimpulan.....	171
<b>BAB 5</b>	<b>KESIMPULAN.....</b>	<b>172</b>
5.1	Pendahuluan.....	172
5.2	Rumusan Hasil Kajian.....	172

5.2.1	Keberkesanan Kaedah <i>Haraki</i> Terhadap Pembelajaran Huruf Hijāiyyah Tunggal .....	174
5.2.2	Keberkesanan Kaedah <i>Haraki</i> Dalam Membaca Huruf Bersambung. ....	176
5.2.3	Keberkesanan Kaedah <i>Haraki</i> Dalam Membaca Keratan Ayat Al-Quran .....	178
5.2.4	Perbandingan Keberkesanan MBK Membaca Huruf Hijaiyyah Yang Bersambung .....	180
5.3	Implikasi Kajian .....	181
5.3.1	Implikasi Terhadap guru .....	182
5.3.2	Implikasi Terhadap Kaedah .....	182
5.4	Sumbangan Kajian .....	183
5.5	Cadangan dan Saranan .....	184
5.5.1	Cadangan kepada Kementerian.....	184
5.5.2	Cadangan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia .....	185
5.5.3	Cadangan kepada Guru .....	186
5.5.4	Cadangan kepada Ibu Bapa.....	187
5.5.5	Cadangan kepada Media Massa.....	188
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan.....	188
5.7	Kesimpulan .....	189
	<b>RUJUKAN .....</b>	<b>192</b>

**LAMPIRAN**

## SENARAI JADUAL

	<b>Halaman</b>
Jadual 2.1	Contoh Huruf Tunggal ..... 51
Jadual 2.2	Kerangka Analitikal ..... 78
Jadual 3.1	Bilangan Sampel Kajian dan Kaedah Pembelajaran..... 89
Jadual 3.2	Kesahan Muka ..... 95
Jadual 3.3	Aspek yang ditegur oleh Pakar ..... 96
Jadual 3.4	Lokasi dan Pemilihan Sampel Kajian ..... 101
Jadual 3.5	Prosedur Pelaksanaan Kajian..... 106
Jadual 4.1	Pembahagian Murid Berdasarkan Kaedah Pembelajaran Al-Quran ..... 109
Jadual 4.2	Ujian T bagi Kedua–Dua Kumpulan sebelum Rawatan dilakukan..... 115
Jadual 4.3	Ujian T bagi Kumpulan Kawalan dan Rawatan selepas Ujian..... 116
Jadual 4.4	Tahap dan Peratusan Keputusan Ujian Huruf Hijāiyyah Tunggal Kumpulan Rawatan ..... 117
Jadual 4.5	Keputusan Ujian Huruf Hijāiyyah Tunggal Kumpulan Kawalan ..... 119
Jadual 4.6	Ujian-t Perbezaan Tahap Kebolehan Menyebut Huruf Hijāiyyah Tunggal Ujian Pasca ..... 120
Jadual 4.7	Keputusan Ujian Huruf Hijāiyyah Tunggal Berbaris Kumpulan Rawatan..... 122
Jadual 4.8	Keputusan Ujian Huruf Hijāiyyah Tunggal berbaris Kumpulan Kawalan ..... 124
Jadual 4.9	Ujian -t Perbezaan Tahap Kebolehan Menyebut Huruf Hijāiyyah Tunggal Berbaris Ujian Pasca ..... 125
Jadual 4.10	Keputusan Ujian Huruf Hijāiyyah Tunggal Bersambung Kumpulan Rawatan..... 127
Jadual 4.11	Keputusan Ujian Huruf Hijāiyyah Tunggal Bersambung Kumpulan Kawalan ..... 128

Jadual 4.12	Ujian T Perbezaan Tahap Kebolehan Menyebut Huruf Hijāiyyah Bersambung Bagi Ujian Pasca .....	129
Jadual 4.13	Keputusan Ujian Potongan Kalimah Ayat al-Quran Kumpulan Rawatan.....	130
Jadual 4.14	Keputusan Ujian Potongan Kalimah al-Quran Kumpulan Kawalan .....	131
Jadual 4.15	Ujian T Perbezaan Tahap Kebolehan Membaca Potongan Ayat Pendek bagi Ujian Pasca .....	132
Jadual 4.16	Keputusan Ujian Keratan Ayat al-Quran Kumpulan Rawatan.....	134
Jadual 4.17	Keputusan Ujian Keratan Ayat al-Quran Kumpulan Kawalan .....	135
Jadual 4.18	Ujian T Perbezaan Tahap Kebolehan Membaca Keratan Ayat al-Quran bagi Ujian Pasca.....	136
Jadual 4.19	Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca Murid Kaedah Haraki.....	138
Jadual 4.20	Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca Murid Kaedah Iqra' .....	140
Jadual 4.21	Ujian-t bagi Kumpulan Rawatan.....	141
Jadual 4.22	Ujian-t bagi Kumpulan Kawalan .....	142
Jadual 4.23	Ujian -t Skor Ujian pasca kaedah Haraki dan Kaedah Iqra' .....	143
Jadual 4.24	Keupayaan Membaca Ayat Al-Quran Responden Kaedah Haraki.....	147

## SENARAI RAJAH

	<b>Halaman</b>
Rajah 2.1	Kod tangan Hijāiyyah ..... 45
Rajah 2.2	Simbol isyarat ..... 46
Rajah 2.3	Nombor turutan bacaan ..... 46
Rajah 2.4	Poster huruf Hijāiyyah kaedah haraki ..... 53
Rajah 2.5	Kerangka teoritikal ..... 70
Rajah 2.6	Kerangka konseptual kajian ..... 73
Rajah 3.1	Rekabentuk kuasi eksperimen ..... 82
Rajah 3.2	Kaedah persampelan ..... 87

## SENARAI GRAF

	<b>Halaman</b>
Graf 4.1	Q-Q plot ujian pasca huruf Hijāiyyah tunggal ..... 112
Graf 4.2	Q-Q plot ujian pasca huruf Hijāiyyah tunggal berbaris ..... 112
Graf 4.3	Q-Q plot ujian pasca huruf Hijāiyyah bersambung ..... 113
Graf 4.4	Q-Q plot ujian pasca potongan kalimah..... 113
Graf 4.5	Q-Q plot ujian pasca keratan ayat al-Quran..... 114
Graf 4.6	Pencapaian huruf Hijāiyyah tunggal kumpulan rawatan ..... 118
Graf 4.7	Keputusan ujian huruf Hijāiyyah tunggal kumpulan kawalan ..... 120
Graf 4.8	Keputusan ujian huruf Hijāiyyah tunggal berbaris kumpulan rawatan ..... 123
Graf 4.9	Ujian Pasca Huruf Hijāiyyah Berbaris Kumpulan Kawalan ..... 125
Graf 4.10	Peratus Ujian Pra dan Ujian Pasca Kaedah Haraki..... 139
Graf 4.11	Peratus Ujian Pra dan Ujian Pasca Kaedah Iqra' ..... 140
Graf 4.12	Perbezaan sebelum dan selepas bagi kumpulan rawatan ..... 142
Graf 4.13	Perbezaan sebelum dan selepas bagi kumpulan kawalan ..... 143

## SENARAI SINGKATAN

ABM	Alat Bantu Mengajar
BBM	Bahan Bantu Mengajar
BPK	Bahagian Pendidikan Khas
IDEA	<i>The Individuals with Disabilities Education Act</i>
IPS	Institut Pengajian Siswazah
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KH	Kaedah <i>Haraki</i>
KI	Kaedah <i>Iqra'</i>
KKH	Kumpulan Kaedah Haraki
KKI	Kumpulan Kaedah <i>Iqra'</i>
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
JAIN	Jabatan Agama Islam Negeri
MBK	Murid Berkeperluan Khas
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
PdPc	Pengajaran dan Pemudah caraan
PASR	Pentaksiran Alternatif Sekolah Rendah
OKU	Orang Kelainan Upaya
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USM	Universiti Sains Malaysia

## PANDUAN TRANSLITERASI

Dalam mengeja perkataan-perkataan Arab dalam ejaan rumi, transliterasi berikut digunakan:

### 1. Konsonan

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	–	ز	<b>z</b>	ق	<b>q</b>
ب	<b>b</b>	س	<b>s</b>	ك	<b>k</b>
ت	<b>t</b>	ث	<b>sy</b>	ل	<b>l</b>
ث	<b>th</b>	ص	<b>ş</b>	م	<b>m</b>
ج	<b>j</b>	ض	<b>ḍ</b>	ن	<b>n</b>
ح	<b>ḥ</b>	ط	<b>ṭ</b>	و	<b>w</b>
خ	<b>kh</b>	ظ	<b>ẓ</b>	ه	<b>h</b>
د	<b>d</b>	ع	‘	ء	’
ذ	<b>dh</b>	غ	<b>gh</b>	ي	<b>y</b>
ر	<b>r</b>	ف	<b>f</b>	ة	<b>h</b>

### 2. Vokal

PENDEK			PANJANG			DIFTONG	
ا	_____	<b>a</b>	آ	_____	<b>ā</b>	اى	<b>ay</b>
ى	_____	<b>i</b>	اى	_____	<b>ī</b>	او	<b>aw</b>
و	_____	<b>u</b>	او	_____	<b>ū</b>	ؤ	<b>uw</b>
						ى	<b>y/i</b>



**KEBERKESANAN KAEDAH HARAKI DALAM PEMBELAJARAN  
TILAWAH AL-QURAN MURID BERKEPERLUAN KHAS (MBK)  
BERMASALAH PEMBELAJARAN:  
KAJIAN DI DAERAH JERANTUT**

**ABSTRAK**

Pembelajaran al-Quran sentiasa berkembang sepanjang zaman. Pelbagai kaedah yang telah muncul dan telah diadaptasi sarjana supaya umat Islam boleh membaca al-Quran. Antaranya kaedah al-Baghdadi, kaedah al-Matien, kaedah Iqra dan kaedah Haraki (KH). Tumpuan kaedah pembelajaran al-Quran dewasa ini lebih menumpukan kepada murid arus perdana. Walau bagaimanapun tiada satu kaedah khas untuk pembelajaran tilawah al-Quran bagi Murid Berkeperluan Khas (MBK) Bermasalah Pembelajaran. Melalui literatur kajian mendapati MBK yang mengikuti Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) kefungsiian sederhana menguasai kemahiran membaca dan menulis. Namun demikian, masih kurang kajian kepada MBK Bermasalah Pembelajaran KSSM kefungsiian sederhana mengenai kaedah pembelajaran tilawah al-Quran. Oleh sebab itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan kaedah Haraki dalam pengajaran al-Quran terhadap MBK Bermasalah Pembelajaran KSSM Kefungsiian Sederhana. Dari sudut metodologi, kaedah yang digunakan ialah kaedah kuasi eksperimen. Pengkaji turut menganalisis data menggunakan perisian SPSS versi 23.0. Keputusan ujian t yang dijalankan ialah menunjukkan bacaan 5.563. Manakala bacaan min kaedah Haraki (Min=87.0) lebih tinggi berbanding dengan min kaedah Iqra iaitu (Min=34.60). Hal ini menunjukkan bahawa kaedah Haraki lebih berkesan daripada kaedah Iqra bagi pembelajaran tilawah

al-Quran kepada MBK bermasalah pembelajaran kefungsiian sederhana. Kesimpulannya, kaedah Haraki lebih sesuai digunakan untuk MBK bermasalah pembelajaran kefungsiian sederhana dan dicadangkan menggunakan kaedah ini kepada mereka.

**THE EFFECTIVENESS OF HARAKI METHOD IN LEARNING OF  
'TILAWAH AL-QURAN' AMONG SPECIAL NEEDS STUDENTS (SNS) IN  
LEARNING DIFFICULTIES :  
A STUDY IN JERANTUT DISTRICT**

**ABSTRACT**

The study of the Quran is constantly evolving throughout the ages. Various methods have emerged and have been adapted by scholars so that Muslims can recite the Quran. Among them are al-Baghdadi's, al-Matien's, Iqra's and Haraki's (KH) method. The focus of Quranic learning methods today is more on mainstream students. However, there are no special methods for learning the recitation of the Quran for Students with Special Needs (SNS). Through the literature of the study found that SNS who follow the Secondary School Standard Curriculum (KSSM) moderate functionality mastered reading and writing skills. However, there is still a lack of research on SNS KSSM moderate functionality on the method of learning recitation of the Quran. Therefore, this study aims to examine the effectiveness of Haraki's method in teaching al-Quran on SNS KSSM Moderate Functionality. From a methodological point of view, the method used is a quasi -experimental method. The researcher also analyzed the data using SPSS software version 23.0. The result of the t test conducted showed a reading of 5.563. While the mean reading of Haraki's method (Mean = 87.0) is higher compared to the mean of Iqra's method which is (Mean = 34.60). This indicates that the Haraki's method is more effective than the Iqra method for learning the recitation of the Qur'an to SNS with moderate functional learning difficulties. In conclusion, the Haraki's method is more suitable to be used for

SNS with moderate functional learning difficulties and it is recommended to apply this method to them.

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 Pendahuluan

Al-Quran merupakan *kalamullah* yang mulia dikurniakan oleh Allah kepada Nabi Muhammad SAW dan membacanya menjadi satu ibadah. Setiap huruf yang dibaca akan diberi pahala oleh Allah bermula dari surah al-Fatihah sehingga surah *an-Nas*. Manakala orang yang mempelajari al-Quran dan mengajar al-Quran dianggap sebaik-baik manusia. Kelebihan membaca al-Quran bukan sahaja diberi kepada pembacanya, malah menjadi pendengar juga mendapat rahmat. Sebagaimana dalam firman Allah dalam

وَإِذَا قُرِئَ الْقُرْآنُ فَاسْتَمِعُوا لَهُ وَأَنْصِتُوا لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ.

Surah al-A'raf (7):204

Maksudnya:

*Dan apabila Al-Quran itu dibacakan, maka dengarlah akan dia serta diamlah (dengan sebulat-bulat ingatan untuk mendengarnya), supayakamu beroleh rahmat (204)*

Ayat tersebut menjelaskan Allah akan memberikan pahala dan rahmat kepada pembaca al-Quran dan pendengarnya. Oleh itu, membaca al-Quran, mendengar al-Quran dan mempelajari al-Quran amat penting kerana merupakan doa di antara hamba dan tuhan. Al-Qurtubī dalam tafsirnya menyatakan bahawa apabila al-Quran

dibaca maka perlu diam.<sup>1</sup> Hal ini menunjukkan satu penghormatan dan dan keagungan terhadap al-Quran. Umat Islam dituntut agar membaca al-Quran serta mempelajari kandungannya.<sup>2</sup> Antara hikmah umat Islam dituntut membaca al-Quran adalah kerana ayat al-Quran diturunkan untuk dibaca, dihayati, ditadabbur dan diamalkan. Al-Quran merupakan anugerah Allah yang sangat tinggi dan mulia yang telah dikurniakan kepada umat Islam. Al-Quran merupakan satu mukjizat yang kekal bagi membuktikan kebenaran dan kekuatan pengaruhnya. Malah menjadi perlembagaan sepanjang zaman dan sesuai bagi mengatur segala kehidupan manusia di semua tempat dan masa.

Al-Quran mengandungi pelbagai panduan dalam semua aspek kehidupan manusia. Nabi Muhammad SAW telah berpesan dalam khutbah terakhir beliau agar berpegang teguh dengan al-Quran dan as-Sunnah dalam menjalani kehidupan seharian agar tidak sesat selamanya. Sebagaimana sabda Nabi SAW:

"إِنِّي قَدْ تَرَكْتُ فِيكُمْ شَيْئَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا بَعْدَهُمَا: كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّتِي: وَلَنْ

يَتَفَرَّقَا حَتَّى يَرِدَا عَلَيَّ الْحَوْضَ"<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> Al-Qurtubī. (2006). Al-Jamiu' Li Āhkāmi al- Quran Wa al-Mubayyinū Limā Tadhamanahu Min As-Sunnati Wa Āyi al-Furqān. Jilid 9. Muassasah Ar- Risālah, Beirut, halaman 432

<sup>2</sup> Surah Muzammil: Bacalah apa yang mudah (bagimu) dari Al-Quran (73:20)  
Surah Isra: Dan apabila kamu membaca al-Quran niscaya Kami adakan antara kamu dan orang-orang yang tidak beriman kepada kehidupan akhirat, suatu dinding yang tertutup (17:45)

Surah Isra: Dan al-Quran itu telah Kami turunkan dengan beransur-ansur agar kamu membacakannya perlahan-lahan kepada manusia dan Kami menurunkannya bagian demi bagian (17:106)

Surah Muzammil: Dan bacalah al-Quran itu dengan perlahan-lahan. (73:4)

<sup>3</sup> Al-Hakim. (1990). *al-Mustadrak 'ala al-Sahihayn*, ed. Mustafa 'Abd al-Qadir 'Ata, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, jil. 1, hal. 172, hadīth no. 319

“Aku tinggalkan kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat selamanya, sekiranya kamu mengikuti keduanya: iaitu Kitab Allah dan SunnahKu, dan tidak akan terpisah keduanya sehingga kamu sampai kepadaKu di telaga Kauthar ”

Al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad secara beransur-ansur selama 23 tahun iaitu dari malaikat Jibril AS kepada Nabi Muhammad SAW.<sup>4</sup> Hikmah Allah menurunkan al-Quran secara beransur-ansur adalah supaya mudah difahami dan dihafaz. Kaedah ini sama seperti yang dipraktikkan dalam kaedah pedagogi iaitu pengajaran secara bertahap mengikut aras kemampuan setiap murid.<sup>5</sup> Pengajaran secara beransur-ansur mengikut aras kemampuan murid dapat membantu murid supaya lebih memahami pembelajaran malah kaedah ini dapat meningkatkan motivasi murid.<sup>6</sup> Nabi Muhammad telah mengajar al-Quran kepada para sahabat secara beransur-ansur selama 23 tahun seiring dengan penurunan wahyu oleh Allah. Pengajaran secara beransur-ansur merupakan pengajaran yang baik dan berkesan. Sebagaimana firman Allah:

لَا تُحَرِّكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ ۗ إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ ۗ فَإِذَا قَرَأَهُ فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ ۗ ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا بَيَانَهُ ۗ كَلَّا بَلْ تُحِبُّونَ الْعَاجِلَةَ ۗ وَتَذَرُونَ  
الْآخِرَةَ ۗ

Surah al-Qiyamah 75: (16-21)

---

4 Manna' al-Qaṭhan. (1973). *Mabaḥith Fi Ulum al-Quran*. (Cetakan Ke-3). Dār al-Aṣr al-Ḥadīth, halaman 35

5 Misnan Jemali. (2008). *Amalan Pengajaran Guru Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Tilawah al-Quran Sekolah- Sekolah Menengah*, Tesis Doktor Falsafah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, halaman 19

6 Aminuddin Khalit. (2015). *Kesan Kaedah Gabung Bunyi Kata Terhadap Literasi Awal Al-Quran Dalam Kalangan Murid-Murid Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran*, Disertasi Sarjana. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, halaman 196

Maksudnya:

*Janganlah engkau (wahai Muhammad) - Kerana hendakkan cepat menghafaz Quran yang diturunkan kepadamu - menggerakkan lidahmu membacanya (sebelum selesai dibacakan kepadamu)(16). Sesungguhnya Kamilah yang berkuasa mengumpulkan al-Quran itu (dalam dadamu), dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu) (17). Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril AS), maka bacalah menurut bacaannya itu (18.) Kemudian, sesungguhnya kepada Kamilah terserah urusan menjelaskan kandungannya (yang memerlukan penjelasan)(19). Sedarlah wahai orang-orang yang lalai. (Sebenarnya kamu tidak ingatkan kesudahan kamu) bahkan kamu sentiasa mencintai (Kesenangan dan kemewahan dunia) yang cepat habisnya (20). Dan kamu tidak menghiraukan (bekalan untuk) hari akhirat (yang kekal abadi kehidupannya) (21).*

Ayat 16 hingga 21 menjelaskan mengenai penurunan al-Quran melalui beransur-ansur. Penurunan al-Quran melalui tiga proses iaitu proses yang pertama wahyu al-Quran dikumpulkan di dada nabi. kemudia proses yang kedua iaitu melalui pembacaan dan proses yang ketiga iaitu penafsiran sekaligus dan penjelasan makna kepada Nabi SAW.<sup>7</sup> Al-Qurtubī menerangkan bahawa cara nabi menerima wahyu iaitu apabila malaikat jibril membaca ayat al-Quran nabi akan diam dan mendengar kemudian barulah Nabi akan membaca mengikut malaikat Jibril AS<sup>8</sup>.

Nabi Muhammad SAW mengingatkan agar umat Islam berpegang teguh dengan al-Quran. Keadaan ini menunjukkan kepentingan umat Islam menguasai al-Quran sama ada membaca, menghayati dan mengamalkannya. Dewasa ini,

---

<sup>7</sup> Abdullah Bin Muhammad. (2008). *Tafsir Ibnu Kathir*. (Jilid 8). Pustaka Imam Syafie. Indonesia

<sup>8</sup> Al-Qurtubī. (2006). *Al-Jamiu' Li Ahkāmī al- Quran Wa al-Mubayyinu Limā Tadhāmanahu Min As-Sunnati Wa Āyi al-Furqān*. Jilid 2. Muassasah Ar- Risālah, Beirut, halaman 404



pertumbuhan pusat pengajian al-Quran amat menggalakkan. Hal ini menunjukkan bahawa kesedaran umat Islam di Malaysia semakin meningkat terhadap pembelajaran al-Quran.

Selain itu, kewujudan *Centre of Quranic Research* (CQR) dan Yayasan Al-Quran Bagi Anak Istimewa (Yayasan FAQEH) telah menunjukkan pembelajaran al-Quran terhadap MBK semakin diberi perhatian oleh masyarakat. Yayasan Al-Quran Bagi Anak Istimewa (Yayasan FAQEH) mula ditubuhkan pada 7 Februari 2013 sebagai penaung kepada Akademi Fakih Intelek (AFI). Yayasan ini ditubuhkan untuk mendapatkan sumbangan dana bagi menampung segala pembiayaan yang diperlukan bagi menjalankan program dan aktiviti pembelajaran al-Quran dan ibadah di Akademi Fakih Intelek (AFI). Kewujudan Yayasan al-Faqeh adalah bagi memenuhi tuntutan keperluan anak-anak istimewa yang tidak berpeluang mempelajari al-Quran kerana ketiadaan kelas yang sesuai.

Malah kajian kepada golongan ini dalam mendalami Islam dan kemahiran membaca al-Quran semakin bertambah setiap tahun. Membaca al-Quran menjadi suatu ibadah yang diberi pahala oleh Allah kepada pembacanya sekiranya dibaca dengan sebutan yang betul, jelas dan mengikut kaedah bacaan serta bertajwid.<sup>9</sup> Orang yang menguasai kemahiran membaca al-Quran dapat menghayati dan tadabbur dengan al-Quran. Al-Quran dan ḥadīth menggalakkan orang Islam membaca dan memahami serta beramal dengan al-Quran. Sebagaiman firman Allah:

---

<sup>9</sup> Mohd Ali Bakar. (1991). *Seni lagu al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikr, halaman 12

إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنْفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ  
تِجْرَةً لَنْ تَبُورَ ۚ لِيُؤْفِقَهُمْ أَجُورَهُمْ وَيَزِيدَهُمْ مِّنْ فَضْلِنَا إِنَّهُ غَفُورٌ شَكُورٌ ۝ ٣٠

Surah Fāṭir (35): 29-30

*Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca Kitab Allah dan tetap mendirikan sembahyang serta mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara terbuka, mereka (dengan amalan yang demikian) mengharapkan sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian(29). Supaya Allah menyempurnakan pahala mereka dan menambahi mereka dari limpah kurniaNya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi sentiasa membalas dengan sebaik-baiknya (akan orang-orang yang bersyukur kepadaNya) (30).*

Ayat di atas menunjukkan bahawa kelebihan orang yang membaca dan mengamalkan isi kandungan al-Quran. Allah memberi jaminan bahawa setiap perbuatan baik yang dilakukan akan diberikan pahala. Al-Qurtūbī di dalam tafsirnya menyatakan sekiranya membaca al-Quran dengan mengharap pahala daripada Allah akan mendapat syafaat pada hari akhirat kelak<sup>10</sup> malah Allah akan menambah pahala dan rezeki yang melimpah ruah.<sup>11</sup>

Tilawah al-Quran merupakan salah satu bidang yang terdapat dalam sub kandungan mata pelajaran pendidikan Islam. Mata pelajaran pendidikan Islam merupakan mata pelajaran teras yang wajib diajar sekiranya terdapat sekurang-

---

<sup>10</sup> Al-Qurtūbī. (2006). *Al-Jamiu' Li Ahkāmī al-Quran Wa al-Mubayyinu Limā Tadhamanahu Min As-Sunnati Wa Āyi al-Furqān*. Jilid 172. Muassasah Ar- Risālah, Beirut, halaman 377

<sup>11</sup> Ibnu Kathīr. Jilid 7, halaman 515

kurangnya lima murid Islam di sekolah.<sup>12</sup> Dalam mata pelajaran pendidikan Islam terdapat beberapa sub kandungan yang perlu dipelajari oleh murid iaitu tilawah al-Quran ḥadīth, akidah, ibadah, sirah dan adab.<sup>13</sup>

Pembelajaran al-Quran amat penting kerana ia merupakan satu kemahiran yang perlu digunakan untuk membaca al-Quran. Walaubagaimanapun, masih terdapat murid yang tidak menguasai al-Quran dan berada ditahap yang sederhana. Oleh itu, pelbagai kaedah telah diperkenalkan oleh cendekiawan Islam bagi membolehkan masyarakat celik al-Quran. Antaranya ialah kaedah Baghdadiyah, kaedah Iqra', kaedah *Hattawiyah*, kaedah *Haraki*, dan kaedah *al-Jabari*. Pembelajaran al-Quran bukan sahaja hanya perlu dipelajari oleh golongan normal malah penerapan kepada golongan istimewa juga adalah amat penting. Justeru, kaedah dan kemahiran yang sesuai diperlukan semasa mengajar golongan ini kerana aras dan daya kemampuan mereka berbeza dari golongan normal.

Menyedari bahawa golongan murid ini berbeza dengan murid yang normal, adalah penting untuk mengatasi masalah membaca al-Quran di kalangan murid, kajian ini dijalankan untuk melihat keberkesanan Kaedah *Haraki* dalam pembelajaran al-Quran Murid Bermasalah Pembelajaran Kefungsian Sederhana di kelas Pendidikan Khas Sekolah Menengah. Kaedah *Haraki* adalah hasil usaha daripada Ustaz Zakaria Din. Kaedah ini pada asalnya dibina bagi membasmi buta al-Quran dalam kalangan masyarakat Melayu. Kajian ini dijalankan untuk melihat sejauh mana kaedah ini dapat

---

<sup>12</sup> Akta Pendidikan 1996, akses pada 25 Feb 2020

<http://www.polisas.edu.my/portal/images/stories/Mqa/Akta550.pdf>

<sup>13</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran Penilaian (DSKP) KSSM Pendidikan Islam Tingkatan 1*. Putrajaya: Pengarang, halaman 18-19

membantu murid bermasalah pembelajaran membaca al-Quran di samping dapat meningkatkan tahap motivasi murid semasa proses pembelajaran dijalankan.

Bab satu membincangkan berkaitan dengan pendahuluan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad ketika umur nabi Muhammad berusia 40 tahun semasa berada di gua Hira'. Al-Quran yang diturunkan diajar kepada para sahabat pada zaman dahulu sehingga kini. Terdapat pelbagai perubahan yang telah berlaku dalam pembelajaran al-Quran bermula daripada al-Quran yang ditulis di pelepah tamar, kayu dan daun-daun. Penulisan al-Quran dari yang tidak bertitik kepada huruf bertitik sehinggalah kepada rasm uthmanī yang lengkap.<sup>14</sup> Pelbagai kaedah yang muncul bagi membantu murid untuk membaca al-Quran. Namun kebanyakan kaedah hanya tertumpu kepada murid yang mempunyai mempunyai kebolehan membaca. Kajian mengenai pembelajaran tilawah al-Quran didapati hanya menjurus kepada murid yang normal atau arus perdana.<sup>15</sup> Manakala kajian-kajian yang ada kurang menitik beratkan MBK. Namun demikian, Aminuddin Khalit menyatakan perlu lebih

---

<sup>14</sup> Manna' al-Qaṭhan. (1973). *Mabaḥith Fi Ulum al-Quran*. (Cetakan Ke-3). Dar al-Aṣr al-Ḥadīth, halaman 134

<sup>15</sup> Misnan Jemali, Ab Halim Tamuri & Azmil Hashim. (2014). Kaedah Pengajaran Al-Quran Sekolah Menengah Kebangsaan di Negeri Perak. *International Journal of Islamic Studies and Arabic Language Education (IJISAE)* 1(1)35-44, , Sapie Sabilan, Suhana Mohamed Lip, Mohamad Fuad Ishak. (2017). Penilaian Aspek Konteks Dan Input Berkaitan Tahap Pencapaian Kemahiran Bacaan Tilawah Al-Quran Berasaskan Penggunaan Kaedah Warna Terhadap Kelancaran Sebutan Bertajwid Dalam Kalangan Pelajar-Pelajar Tahun Lima. *Malaysian Online Journal of Education* 1 (2) 20-31, Rashidah Md Hasan, Nik Rosila Nik Yaacob & Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya. (2015). Pencapaian Kelancaran Bacaan, Fasohah Dan Hukum Tajwid Dalam Tilawah Al-Quran Murid Sekolah Rendah: Satu Tinjauan Awal. *International Conference On Islamic Education And Social Entrepreneurship 2015 (ICIESE2015)*

banyak kajian dalam bidang pembelajaran al-Quran terutamanya untuk MBK bermasalah pembelajaran.<sup>16</sup>

Kajian yang dilakukan oleh Mohd Yakub dan Saidi berkaitan keupayaan bacaan al-Quran dalam kalangan murid tingkatan empat di Terengganu menunjukkan bahawa 38.7 peratus dalam kalangan murid tidak mampu membaca al-Quran.<sup>17</sup> Manakala kajian keberkesanan yang dijalankan oleh Bashah Abu Bakar menunjukkan kekerapan membaca al-Quran dalam kalangan murid sekolah menengah yang pernah didedahkan dengan pengajaran dan pembelajaran j-QAF di sekolah rendah adalah berada di tahap yang sederhana.<sup>18</sup>

Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan program integrasi ataupun program inklusif untuk MBK bermasalah pembelajaran. Program pendidikan inklusif iaitu program pendidikan yang disediakan untuk MBK mempelajari secara bersama-sama secara holistik atau separa dengan murid normal dalam kelas yang sama di sekolah kerajaan atau bantuan kerajaan.<sup>19</sup> Manakala Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) iaitu program pendidikan untuk MBK yang hanya disertai oleh MBK yang mengikuti kelas PPKI di sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan.<sup>20</sup>

---

<sup>16</sup> Aminuddin Khalit. (2015). *Kesan Kaedah Gabung Bunyi Kata Terhadap Literasi Awal Al-Quran Dalam Kalangan Murid-Murid Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran*. Disertasi Sarjana. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris halaman

<sup>17</sup> Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff & Saidi Mohd. (2008). Keupayaan Bacaan al-Quran di Kalangan Murid Tingkatan Empat: Kajian di beberapa Buah Sekolah Menengah Terpilih Negeri Terengganu. *Al-Bayan : Journal of al-Quran and al-Hadith*, 6 (58-85)

<sup>18</sup> Bashah Abu Bakar. (2013). Persepsi Murid Terhadap Keberkesanan Program j-Qaf dalam Kalangan Murid Tingkatan Satu-Satu Kajian Kes. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia. <http://www.jp.utm.my/ePusatSumber/listseminar/medc2012/pdf/85.pdf>

<sup>19</sup> Akta Pendidikan 1996. (2013). Peraturan-Peraturan Pendidikan Khas 2013

<sup>20</sup> Akta Pendidikan 1996. (2013). Peraturan-Peraturan Pendidikan Khas 2013

Pembelajaran tilawah al-Quran merupakan antara kandungan yang terdapat dalam sukatan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)<sup>21</sup> yang mula dilaksanakan pada tahun 2017 bagi mata pelajaran Pendidikan Islam. Penglibatan dalam KSSM bukan hanya merangkumi murid arus perdana tetapi juga merangkumi sukatan KSSM untuk MBK Kefungsian Sederhana dan MBK Kefungsian Rendah. Pengajaran mata pelajaran pendidikan Islam tidak boleh diambil mudah dan dipandang ringan. Hal ini kerana, tidak semua guru muslim layak dan dikira berkebolehan mengajar dalam mata pelajaran pendidikan Islam.<sup>22</sup>

Bagi mata pelajaran Pendidikan Islam Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSM PK) untuk Murid Berkeperluan Khas (MBK) Kefungsian Sederhana terdapat tiga objektif bidang tilawah al-Quran iaitu murid dapat membaca ayat-ayat pilihan dari al-Quran dengan betul serta mengamalkan dalam kehidupan seharian. Objektif yang kedua iaitu menghafaz surah-surah pilihan dari juz Amma untuk bacaan dalam solat dan ibadah seharian. Seterusnya objektif yang ketiga iaitu menghayati maksud potongan ayat pilihan dari al-Quran dan mengamalnya.

Sekiranya dilihat objektif tilawah al-Quran murid aliran arus perdana di sekolah menengah mempunyai empat objektif yang utama. Objektif yang pertama membaca ayat pilihan daripada al-Quran dengan betul, bertajwid, lancar dan fasih. Objektif yang kedua ialah melazimi bacaan ayat al-Quran dalam kehidupan seharian. Seterusnya objektif yang ketiga ialah menghafaz ayat pilihan daripada al-Quran dengan betul, bertajwid, lancar dan fasih. Akhir sekali, objektif yang keempat ialah

---

<sup>21</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran Penilaian (DSKP) KSSM Pendidikan Islam Tingkatan 1*. Putrajaya: Pengarang, halaman 18-19

<sup>22</sup> Mohd Huzairi Awang @ Husain, Hajarul Bahti Zakaria, Rahimin Afandi Awang. (2012). Pendidikan Islam Golongan Masalah Pendengaran: Tinjauan Awal Isu dan Cabaran daripada Perspektif Guru. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)* 58 (135-139)

mengamalkan bacaan ayat hafazan pilihan dalam solat dan amalan kehidupan seharian.<sup>23</sup>

Berdasarkan objektif yang dinyatakan di atas, sama ada pembelajaran al-Quran murid arus perdana atau MBK, pengkaji berpendapat bahawa ia merupakan satu keperluan mempunyai kemahiran membaca al-Quran. Hal ini kerana mengikut kajian oleh Mohd Aderi, kemahiran pedagogi diperlukan agar masalah dalam pengajaran tilawah al-Quran dapat ditingkatkan supaya murid dapat menguasai kemahiran membaca al-Quran.<sup>24</sup>

Kaedah *Haraki* yang dikaji mempunyai pendekatan yang tersendiri. Sebagai contoh ia mempunyai tarian dan lagu tersendiri.<sup>25</sup> Tambahan pula, berdasarkan kajian oleh Ling dan Tasir<sup>26</sup> pendekatan pembelajaran melalui lagu amat berkesan. Sehubungan dengan itu, penyelidikan ini bertujuan mengkaji kaedah *Haraki* untuk pengajaran tilawah al-Quran kepada murid bermasalah pembelajaran di Sekolah Menengah Pendidikan Khas dan Sekolah Menengah yang mempunyai integrasi Pendidikan Khas terutamanya murid yang terlibat dengan KSSM PK.

MBK terbahagi kepada tiga kategori ketidakupayaan iaitu murid dari kategori ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan pendengaran dan ketidakupayaan pembelajaran. Oleh itu, pembelajaran kepada murid perlulah mengikut aras

---

<sup>23</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran Sekolah Menengah* (Pendidikan Islam) *Tingkatan satu*. Putrajaya: Pengarang. halaman 26

<sup>24</sup> Mohd Aderi Che Noh & Rohani Ahmad Tarmizi. (2009). Persepsi Murid terhadap Amalan Pengajaran Tilawah Al-Quran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 93-109.

<sup>25</sup> Zakaria Din. (2017). *Siri Mudah Belajar al-Quran Kaedah Haraki*. Perak: Usrah Haraki SDN BHD, halaman 54

<sup>26</sup> Ling & Tasir. (2010). Pendekatan pembelajaran kemahiran membaca menerusi lagu dan muzik berasaskan komputer bagi murid tahun satu. *Jurnal Universiti Teknologi Malaysia*, halaman 65

keupayaan kerana setiap murid berbeza<sup>27</sup> Kesimpulannya, Tilawah al-Quran merupakan antara kandungan yang terdapat dalam kurikulum KSSM Pendidikan Islam Kefungsian Sederhana. Oleh itu, bidang pengajaran tilawah al-Quran merupakan satu bidang yang penting dalam pengajaran Pendidikan Islam samada dari kalangan MBK ataupun murid arus perdana.

Dalam pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Quran di sekolah menengah Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran, empat fokus utama bidang tersebut ialah yang pertama membaca ayat-ayat dan surah-surah pilihan daripada al-Quran dengan betul dan bertajwid, kedua menghafaz ayat-ayat dan surah-surah pilihan daripada al-Quran dengan betul dan bertajwid, ketiga mengamal ayat-ayat hafazan sebagai bacaan dalam solat dan amalan kehidupan seharian dan keempat memahami ayat-ayat pilihan dari al-Quran untuk diamal dan menghayati pengajarannya.<sup>28</sup> Kajian ini menumpukan kepada fokus yang pertama sahaja. Oleh itu, murid perlu menguasai kemahiran membaca al-Quran. Zakaria Din telah menyatakan kaedah *Haraki* telah membantu ramai orang yang tidak tahu membaca al-Quran kepada boleh membaca al-Quran kerana kaedah ini lebih kepada kearifan tempatan.<sup>29</sup> Kearifan tempatan bermaksud pengajaran al-Quran disesuaikan dengan budaya dan norma masyarakat melayu dari segi penulisan dan bahasa yang digunakan dalam kehidupan seharian.

Kaedah *Haraki* merupakan satu kaedah pembelajaran al-Quran yang menggunakan tulisan rumi pada pengenalan huruf hijāiyyah dan pergerakan untuk

---

<sup>27</sup> Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim. (2017). Isu Dan Permasalahan (PDP) Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kbat) Dalam Amalan Pengajaran Guru Menurut Pandangan Ibn Khaldun. *Journal of Human Capital Development*, 10 (1) 1-18

<sup>28</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran, Pendidikan Islam Pendidikan Khas Tingkatan satu*. Putrajaya: Pengarang, halaman 2,

<sup>29</sup> Zakaria Din. (2018, Oktober 27). Sejarah Kaedah *Haraki*. *Kuala Lumpur* [Interview]



setiap huruf dan tajwid. Kaedah dilihat akan dapat membantu dalam pembelajaran al-Quran MBK. Perkara penting dalam pembelajaran al-Quran adalah keupayaan guru memberi semangat dan kaedah yang sesuai dalam membantu meningkatkan bacaan al-Quran. Pembelajaran kaedah *Haraki* dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan kerana kaedah ini sesuai untuk pembelajaran secara individu dan berkumpulan. Kaedah *Haraki* adalah kaedah pembelajaran al-Quran yang lebih proaktif apabila fokus guru bukan memberi teguran setelah berlaku kesilapan pada bacaan murid tetapi meminimakan kesilapan dalam bacaan supaya murid sentiasa mempunyai keinginan untuk belajar al-Quran.

Faktor kemudahan perlu diberi perhatian sewajarnya selain daripada faktor kemahiran dan kesediaan guru dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran. Antaranya ialah naskhah al-Quran, modul pembelajaran yang digunakan, bahan bantuan mengajar yang sesuai, kelas dan suasana persekitaran pembelajaran. Selain itu, terdapat beberapa faktor lain yang menyebabkan pengajaran al-Quran tidak tercapai seperti dikehendaki oleh kurikulum perlu diatasi dengan segera. Oleh itu, kajian yang lebih jelas dan teliti perlu dilakukan. Kajian perlu dilakukan dari aspek kesesuaian susunan sukatan pelajaran tilawah al-Quran dengan tahap kemahiran dan kemampuan murid di sekolah. Kepentingan kajian ini adalah untuk memperbaiki ruang pendidikan al-Quran yang sedia ada bagi murid bermasalah pembelajaran di Program Pendidikan Khas Integrasi sekolah menengah harian.

### **1.3    Penyataan Masalah**

Membaca merupakan salah satu kemahiran hidup yang penting dan ia merupakan salah satu kemahiran yang membolehkan murid menyebut perkataan demi perkataan dengan betul, apatah lagi dalam aspek membaca al-Quran. Membaca al-

Quran dengan betul merupakan satu aspek yang penting dalam kehidupan dan juga amalan yang sangat dituntut oleh agama Islam. Dalam kajian yang telah dilakukan oleh Mohd Khairulazman Abu Bakar dan Azman Che Mat mengenai tahap pembacaan al-Quran dalam kalangan murid, mereka mendapati bahawa tahap pembacaan murid-murid kurang memuaskan dari aspek membaca al-Quran dan begitu juga dengan tajwid al-al-Quran.<sup>30</sup>

Tahap penguasaan al-Quran dalam kalangan murid menjadi isu dalam sistem pendidikan kebangsaan<sup>31</sup> apabila masih ramai murid sekolah menengah didapati tidak berkeupayaan untuk membaca al-Quran dengan baik walaupun mereka telah melalui enam tahun pembelajaran di sekolah rendah. Selain mempunyai masalah dalam membaca al-Quran, murid juga tidak menguasai huruf *hijaiyyah* sama ada dalam kalangan murid normal<sup>32</sup> dan Murid Berkeperluan Khas (MBK).<sup>33</sup> Hal ini terjadi kepada MBK kerana guru tidak mempunyai modul yang khusus untuk pengajaran pendidikan Islam terutamanya tilawah al-Quran kepada murid bermasalah pembelajaran.<sup>34</sup>

---

<sup>30</sup> Mohd Khairulazman Abu Bakar & Azman Che Mat. (2015). Profil Demografi Murid Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (Psmza) Dalam Pembacaan Al- Quran . *Academia Journal UiTMT* 4 (2)

<sup>31</sup> Ab.Halim Tamuri, Amal Hayati Md. Noor & Ahmad Munawar Ismail. (2015). Penggunaan Bahan Bantu Pengajaran Dalam Pelaksanaan Asuhan Tilawah al-Quran j-QAF. *International Journal of Islamic Studies*. Vol. 2 (1). 51-60

<sup>32</sup> Surul Shahbudin Hasan. (2015) .*Talaqqi dan mushafahah dalam pengajaran modul khatam Al-Quran program j-Qaf* . Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, halaman 156

<sup>33</sup> Hajarul Bahti Zakaria, Mohd Huzairi Awang@Husain, A. H. T. (2012). Penguasaan Bacaan Hukum Nun Sakinah Dalam Tilawah Al-Quran Murid-Murid Bermasalah Penglihatan Di Malaysia. *International Conference On Research In Islamic And Arabic Language Education 2012(ICRIALE 2012)*. [http://eprints.um.edu.my/14087/1/PENGUASAAN\\_BACAAN\\_HUKUM\\_NUN\\_SAKINAH.pdf](http://eprints.um.edu.my/14087/1/PENGUASAAN_BACAAN_HUKUM_NUN_SAKINAH.pdf)

<sup>34</sup> Mohd Razmi Husin. (2016). *Gaya Pembelajaran Murid Bermasalah Pembelajaran Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Dan j-QAF*. Disertasi Doktor Falsafah (Psikologi). Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, halaman 21

Selain daripada itu, murid juga tidak dapat menjelaskan sebutan huruf dan baris.<sup>35</sup> Hal ini disokong oleh kajian Ahmad Tamizi Abu & Rabiatal Adawiah Ahmad Rashid yang menyatakan bahawa masih terdapat murid yang tidak mengenali huruf *hijaiyyah* dengan baik.<sup>36</sup> Keadaan ini berlaku kerana murid terpaksa mengikut sukatan bacaan al-Quran yang telah ditetapkan untuk mencapai objektif mengkhatamkan al-Quran walaupun tidak menguasai al-Quran dengan baik.<sup>37</sup> Perkara tersebut merupakan perkara paling utama yang patut ditekankan dalam pembacaan al-Quran kerana sebutan huruf yang betul adalah berkait dengan baris. Ini kerana, sekiranya murid di kelas arus perdana juga masih mempunyai masalah membaca al-Quran, apatah lagi murid di kelas pendidikan khas yang mempunyai pelbagai kekurangan dan kelemahan.

Kelemahan dalam membaca al-Quran ini akan berterusan sehingga murid tamat persekolahan sekiranya gejala ini tidak dapat dibendung daripada awal terutamanya kepada murid MBK. Model pengajaran Slavin<sup>38</sup> telah menggariskan panduan bahawa untuk mewujudkan pengajaran yang berkesan, ia perlu dipengaruhi oleh empat faktor iaitu kualiti pengajaran, kesesuaian aras pengajaran, insentif dan masa. Namun demikian, pengajaran yang berkesan dalam pendidikan Islam tidak akan tercapai sekiranya guru pendidikan Islam yang mengajar di pendidikan khas kurang berpengetahuan dalam mendidik golongan MBK seterusnya menyebabkan tahap

---

<sup>35</sup> Surul Shahbudin Hasan. (2015). *Talaqqi Dan Mushafahah Dalam Pengajaran Modul Khatam Al-Quran Program J-QAF*. Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, halaman 174

<sup>36</sup> Ahmad Tamizi Abu & Rabiatal Adawiah Ahmad Rashid. (2020). Analisis Keperluan terhadap Pembinaan Modul al-Alaq-IQ (MpaA-IQ) bagi Meningkatkan Pencapaian Kemahiran Asas Bacaan al-Quran Tahun Satu. *Journal of Educational Research and Indigeneous Studies*. 1 (1) [https://cdn-cms.f-static.net/uploads/1759562/normal\\_5e85ea9e32bbf.pdf](https://cdn-cms.f-static.net/uploads/1759562/normal_5e85ea9e32bbf.pdf)

<sup>37</sup> Ab.Halim Tamuri, Amal Hayati Md. Noor & Ahmad Munawar Ismail. (2015). Penggunaan Bahan Bantu Pengajaran Dalam Pelaksanaan Asuhan Tilawah al-Quran j-QAF. *International Journal of Islamic Studies*. Vol. 2 (1). 51-60

<sup>38</sup> Slavin. (1994). Quality, Appropriateness, Incentive, And Time:A Model Of Instructional Effectiveness. *International Journal of Educational Research*. 21(2) 141-157

bacaan al-Quran dan tajwid murid ini kurang memuaskan dan kemampuan mereka dalam membaca al-Quran masih lagi berada di tahap yang lemah.<sup>39</sup>

Justeru, bagi memastikan golongan MBK juga dapat membaca al-Quran seperti golongan normal, maka teknik dan kaedah yang sesuai perlu diterapkan ke dalam proses pengajaran selaras dengan kemampuan mereka<sup>40</sup> kerana mereka adalah golongan istimewa yang unik.<sup>41</sup> Tambahan pula, kajian lepas menunjukkan kaedah yang sedia ada tidak berapa menarik minat murid MBK untuk mempelajari al-Quran.<sup>42</sup>

Terdapat juga kajian yang membincangkan mengenai faktor kekerapan membaca al-Quran serta penggunaan BBM yang membantu pengajaran al-Quran kepada OKU bermasalah penglihatan<sup>43</sup> dan kajian bacaan al-Quran kepada murid bermasalah pendengaran.<sup>44</sup> Walau bagaimanapun, kajian pengajaran al-Quran kepada murid bermasalah pembelajaran kurang dibincangkan. Oleh itu, amat perlu sekiranya terdapat gabungan kaedah yang sesuai untuk mewujudkan lagi pembelajaran yang lebih berkesan.<sup>45</sup>

---

<sup>39</sup> Mohd Aderi Che Noh & Rohani Ahmad Tarmizi. (2009). Persepsi Murid terhadap Amalan Pengajaran Tilawah Al-Quran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 93-109

<sup>40</sup> Syar Meeze Mohd Rasyid. (2017). Kemahiran Asas Serta Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran al-Quran Kepada Golongan Istimewa. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*. June 2017

<sup>41</sup> Noornajihan Jaafar, Norakyairee Mohd Raus, Abdul Karim Toure, Abdul Muhaimin Ahmad, Mohd Nur Adzam Rasdi & Nurul Asiah Fasiah Mohammad. (2016). Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Murid Berkeperluan Khas (Penglihatan) Dalam Menghafaz Al-Quran: Kajian Di Darul Quran, Jakim. *Journal Ma'alim al-Qur'an Wa al-Sunnah* 11 (12)

<sup>42</sup> Ahmad Tamizi Abu & Rabiatal Adawiah Ahmad Rashid. (2020). Analisis Keperluan terhadap Pembinaan Modul al-Alaq-IQ (MpaA-IQ) bagi Meningkatkan Pencapaian Kemahiran Asas Bacaan al-Quran Tahun Satu. *Journal of Educational Research and Indigeneous Studies*. 1 (1) [https://cdn-cms.f-static.net/uploads/1759562/normal\\_5e85ea9e32bbf.pdf](https://cdn-cms.f-static.net/uploads/1759562/normal_5e85ea9e32bbf.pdf)

<sup>43</sup> Noornajihan Jaafar & Nur Atiqah Abdul Aziz. (2018). Faktor Penguasaan Pembelajaran Al-Quran Orang Kelainan Upaya Masalah Penglihatan: Kajian di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) Alma, Pulau Pinang. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 4(2), 2018 12-23, e-ISSN: 2289-960X)

<sup>44</sup> Ummu Karamah Alias, Hamdi Bin Ishak, Sabri Mohamad. (2019). Kaedah-Kaedah Bacaan al-Quran dalam Kalangan Orang Kurang Upaya Pendengaran. *Jurnal al-Turath*, 4 (2) 59-67

<sup>45</sup> Kamarul Azmi Jasmi, & Mohd Aderi Che Noh. (2013). Sejarah, Kaedah, Serta Model Pengajaran Dan Pembelajaran al-Quran. In *Bengkel Pemulihan dan Pengayaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) al-Quran SRA JAWI (Remedial and Enrichment Workshop for Teaching and Learning Quran SRA JAWI)*

Pelbagai kajian yang telah dilakukan dalam bidang pembelajaran al-Quran antaranya kajian kaedah al-Matien dengan kaedah Iqra', kaedah al-Baghdadi dengan kaedah Iqra'. Selain itu, kaedah al-Jabari juga telah dikaji di kalangan MBK. Hasil kajian mendapati bahawa kaedah al-Matien dan kaedah al-baghdadi lebih berkesan berbanding dengan kaedah Iqra'. Kaedah al-Jabari menunjukkan peningkatan murid dalam pembacaan al-Quran.

Kajian lepas membandingkan kaedah al-Matien dan kaedah Iqra' yang digunakan kepada murid arus perdana serta membincangkan juga mengenai pembelajaran tilawah al-Quran dan hukum tajwid dengan menggunakan kaedah al-Matien.<sup>46</sup> Selain itu, terdapat juga kajian perbandingan mengenai kaedah al-Baghdadi dan kaedah Iqra' dalam pembelajaran tilawah al-Quran kepada murid.<sup>47</sup> Kebanyakan kajian mengenai perbandingan kaedah *Iqra'* dilakukan kerana kaedah *Iqra'* merupakan kaedah sedia ada yang digunakan dalam pembelajaran tilawah al-Quran di sekolah-sekolah di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Penguasaan membaca al-Quran murid masih berada di tahap yang lemah walaupun program j-QAF telah mula dilaksanakan pada tahun 2005<sup>48</sup> tetapi masih lagi terdapat murid yang tidak mengenal huruf hijāiyyah dengan baik.<sup>49</sup>

Pengajaran murid di kelas MBK menggunakan kaedah *Iqra'*. Pengajaran kaedah ini tidak mempunyai buku panduan khusus yang mengandungi cara mengajar

---

<sup>46</sup> Haziyah Hussin & Masitah Ismail. (2018). Keberkesanan Kaedah al-Matien dalam Pembelajaran Tilawah al-Quran. *Jurnal al-Turath*, 3( 2) 1-8

<sup>47</sup> Norsyida Md. Zin, Sedek Arifin & Norhidayah Yusoff. (2014). Keberkesanan Teknik *Iqra'* Dan Al-Baghdadi : Suatu Perbandingan. *Jurnal Usuluddin*, 40, 51-69

<sup>48</sup> Ismail, D., Wan Khairuddin, W. M. K., & Mohammad, M. (2014). Perkembangan dan Masalah Pembelajaran al-Quran dalam Program j-QAF di Malaysia. *Islamiyyat*, 36(2), 57-66. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2014-3602-06>

<sup>49</sup> Ahmad Tamizi Abu, Rabiatul Adawiah Ahmad Rashid. (2020). Analisis Keperluan terhadap Pembinaan Modul al-Alaq-IQ (MpaA-IQ) bagi Meningkatkan Pencapaian Kemahiran Asas Bacaan al-Quran Tahun Satu. *Journal of Educational Research and Indigeneous Studies*. 1 (1) [https://cdn-cms.f-static.net/uploads/1759562/normal\\_5e85ea9e32bbf.pdf](https://cdn-cms.f-static.net/uploads/1759562/normal_5e85ea9e32bbf.pdf)

kaedah *Iqra'*.<sup>50</sup> Guru-guru hanya dibekalkan sukatan pelajaran dan daripada bahagian kurikulum yang perlu dipatuhi dengan tetapan masa yang telah ditentukan.<sup>51</sup> Selain itu, ibu bapa murid pendidikan khas yang beragama Islam juga turut menyatakan kerisauan terhadap kekurangan anak mereka dalam menguasai kemahiran asas membaca al-Quran. Antara masalah murid pendidikan khas iaitu membaca huruf hijāiyyah, membunyikan huruf hijāiyyah dan huruf hijāiyyah yang bersambung.<sup>52</sup>

Disebabkan itu, kaedah pembelajaran yang digunakan perlulah pelbagai supaya dapat menarik perhatian murid tanpa mengira latar belakang mereka.<sup>53</sup> Kaedah yang menarik dalam pembelajaran al-Quran yang dilaksanakan di dalam kelas juga memberi kesan dalam menguasai al-Quran di kalangan murid. Kajian lepas juga mendapati bahawa terdapat kaitan antara kaedah pembelajaran murid dengan kelemahan mereka dalam penguasaan bacaan *Iqra'*.<sup>54</sup> Selain itu faktor ibu bapa juga memainkan peranan yang penting dalam penguasaan al-Quran oleh murid.<sup>55</sup>

Oleh itu, kajian ini memberi fokus kepada usaha meningkatkan bacaan al-Quran murid dari aspek membaca huruf hijāiyyah tunggal, huruf hijāiyyah berbaris, huruf bersambung, dan keratan ayat al-Quran. Justeru, satu kaedah pembelajaran al-

---

<sup>50</sup> Mohd Razmi Husin. (2016). *Gaya Pembelajaran Murid Bermasalah Pembelajaran Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Dan j-QAF*. Tesis Doktor Falsafah (Psikologi), Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris, halaman 21

<sup>51</sup> Aminudin Khalit. (2015). *Kesan Kaedah Gabung Bunyi Kata Terhadap Literasi awal al-Quran dalam Kalangan Murid-murid Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran*, Disertasi Sarjana. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris, halaman 14

<sup>52</sup> Aminudin Khalit. (2015). *Kesan Kaedah Gabung Bunyi Kata Terhadap Literasi awal al-Quran dalam Kalangan Murid-murid Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran*, Disertasi Sarjana. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris, halaman 14

<sup>53</sup> Azmil Hashim, Misnan Jemali, Ab. Halim Tamuri & Mohd Aderi Che Noh. (2014). Hubungan Antara Adab-adab Pembelajaran Tahfiz dan Pencapaian Hafazan Murid. *The Online Journal of Islamic Education*. Vol.2, Issue 2. 73-82.

<sup>54</sup> Aminudin Khalit. (2015). *Kesan Kaedah Gabung Bunyi Kata Terhadap Literasi awal al-Quran dalam Kalangan Murid-murid Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran*, Disertasi Sarjana. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris,halaman 4

<sup>55</sup> Mohd Hanafi Mamat & Hamdi Ishak. (2016). Model Khatam al-Quran j-QAF: Pengaruh terhadap Impak Pembelajaran Murid. *Jurnal al-Turath*, 1(2) 34-42

Quran alternatif iaitu Kaedah *Haraki* diperkenalkan. Kaedah *Haraki* bertujuan membolehkan murid membaca al-Quran dari segi huruf hijāiyyah tunggal, huruf hijāiyyah berbaris, huruf bersambung dan keratan ayat al-Quran. Pencapaian tilawah al-Quran dalam kalangan murid pendidikan khas masalah pembelajaran (KSSM) kefungsiannya sederhana dalam kajian ini dapat menggambarkan hasil sebenar pembelajaran tilawah al-Quran di dalam bilik darjah.

Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan kajian berbentuk eksperimen bagi mengenal pasti perbezaan antara kaedah *Iqra'* dengan kaedah *Haraki* sesuai dengan saranan oleh Safarina Ujang dan Norshidah Salleh yang mencadangkan kajian berkenaan kaedah pengajaran al-Quran untuk murid bermasalah pembelajaran dalam j-QAF<sup>56</sup> dan juga Aminuddin Khalit yang juga mencadangkan agar dilakukan pelbagaikan kajian mengenai kaedah dan pengajaran al-Quran untuk murid bermasalah pembelajaran.<sup>57</sup> Oleh itu, dalam konteks kajian ini pengkaji hanya mengkaji dalam bidang pembelajaran tilawah al-Quran untuk murid sekolah menengah pendidikan khas sahaja.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian adalah seperti berikut:-

- O1: Mengkaji tahap kebolehan Murid Berkeperluan Khas (MBK) membaca huruf hijāiyyah tunggal selepas menggunakan kaedah *Haraki*.

---

<sup>56</sup> Safarina Ujang & Norshidah Mohamad Salleh. (2018). Pelaksanaan Jawi , Al-Quran, Bahasa Arab , Fardu Ain ( j-QAF ) dalam Program Pendidikan Khas Integrasi. *Jurnal Ortopedagogia* 4(2)59-65

<sup>57</sup> Aminudin Khalit. (2015). *Kesan Kaedah Gabung Bunyi Kata Terhadap Literasi awal al-Quran dalam Kalangan Murid-murid Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran*, Disertasi Sarjana. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris, halaman 240

- O2: Mengenal pasti tahap pencapaian Murid Berkeperluan Khas (MBK) membaca huruf hijāiyyah yang bersambung mengikut sebutan yang betul selepas menggunakan kaedah *Haraki*.
- O3: Menganalisis tahap pencapaian Murid Berkeperluan Khas (MBK) membaca keratan ayat al-Quran bagi kumpulan rawatan yang menggunakan kaedah *Haraki* dan kumpulan kawalan yang menggunakan kaedah *Iqra'*.
- O4: Membandingkan tahap pencapaian Murid Berkeperluan Khas (MBK) membaca huruf hijāiyyah bersambung bagi kumpulan rawatan yang menggunakan kaedah *Haraki* dan kumpulan kawalan yang menggunakan kaedah *Iqra'*.

## 1.5 Persoalan Kajian

Antara persoalan kajian ialah:-

- S1: Sejauhmana tahap kebolehan Murid Berkeperluan Khas (MBK) kebolehan murid membaca huruf hijāiyyah tunggal selepas menggunakan kaedah *Haraki*?
- S2: Adakah Murid Berkeperluan Khas (MBK) boleh membaca huruf-huruf bersambung mengikut sebutan yang betul selepas menggunakan kaedah *Haraki*?
- S3: Adakah Murid Berkeperluan Khas (MBK) boleh membaca keratan ayat al-Quran dengan betul selepas menggunakan kaedah *Haraki* bagi kumpulan rawatan yang menggunakan kaedah *Haraki* dan kumpulan kawalan yang menggunakan kaedah *Iqra'*?



S4: Adakah terdapat perbezaan skor min pencapaian Murid Berkeperluan Khas (MBK) membaca huruf hijāiyyah bagi kumpulan rawatan yang menggunakan kaedah *Haraki* dan kumpulan kawalan yang menggunakan kaedah *Iqra'*.

## **1.6 Kepentingan kajian**

Kajian ini mempunyai kepentingan dalam bidang Pendidikan Islam terutamanya dalam pengajaran tilawah al-Quran. Dapatan kajian ini memberi kepentingan kepada masyarakat muslim amnya kepada guru pendidikan Islam, Ibubapa, kementerian, dan jabatan pendidikan mengenai kaedah yang terbaik dalam mengajar al-Quran kepada murid berkeperluan khas.

### **1.6.1 Kepentingan kepada KPM**

Selain daripada memberi kepentingan kepada pengajaran dan pemudahcaraan di dalam kelas, kajian ini turut memberi kepentingan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) khasnya kepada Bahagian Pendidikan Khas (BPK) apabila memperkenalkan kaedah baru dalam pengajaran tilawah al-Quran kepada murid pendidikan khas. Kaedah yang dipilih boleh digunakan oleh KPM khususnya BPK bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran tilawah al-Quran bagi murid pendidikan khas bermasalah pembelajaran (KSSM) kefungsiian sederhana. Kementerian juga boleh meluaskan penyebaran kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) seterusnya ke sekolah-sekolah di bawah seliaan KPM.

### 1.6.2 Kepentingan kepada guru

Guru-guru pendidikan Islam yang mengajar pendidikan khas dapat mengaplikasikan kaedah yang sesuai dalam pembelajaran tilawah al-Quran. Dapatan kajian memberi kesedaran kepada para guru untuk menggunakan kaedah yang sesuai bagi murid berkeperluan Khas. Ia merupakan satu inisiatif untuk murid MBK supaya mahir dan boleh membaca al-Quran. Sekiranya pengesanan awal masalah dapat dilakukan untuk pengajaran al-Quran, maka guru boleh bersedia untuk merancang kaedah serta bahan bantu mengajar yang sesuai dengan tahap penguasaan murid.

Kaedah yang sesuai bukan sahaja boleh digunakan untuk guru yang mengajar Pendidikan Islam di pendidikan khas malah guru al-Quran KAFA, guru-guru takmir bagi membantu pengajaran al-Quran kepada anak murid. Usaha ini juga bagi mengurangkan murid yang tidak boleh membaca al-Quran. Malah ia juga boleh mengelakkan daripada bertambah masyarakat yang tidak boleh membaca al-Quran. Menurut Abdul Ghani dalam kajiannya terhadap permasalahan saudara baru mendapati bahawa kebolehan membaca al-Quran mereka berada di tahap yang rendah kerana melebihi 50 % responden yang tidak boleh membaca al-Quran.<sup>58</sup> Sehubungan itu, dapatan kajian boleh membantu tenaga pengajar al-Quran dalam membantu saudara baru sama ada di PERKIM, atau di mana-mana Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) untuk membantu mereka supaya boleh membaca al-Quran.

---

<sup>58</sup> Abdul Ghani Abdullah. (2013 ). *Permasalahan Saudara Baru dan Penyelesaiannya di Wilayah persekutuan Kuala Lumpur*. Program Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Kuala Lumpur: University Malaya, halaman 150

### **1.6.3 Kepentingan kepada masyarakat**

Kepentingan dapatan kajian ini tidak terhad kepada guru-guru yang mengajar al-Quran malah ia turut memberi kepentingan kepada masyarakat. Masyarakat boleh menggunakan kaedah yang berkesan bagi memantapkan lagi penguasaan dan kemahiran membaca al-Quran dan mengajar kepada orang lain

### **1.6.4 Kepentingan kepada Penyelidik**

Selain kepentingan kajian kepada kementerian, guru-guru pendidikan Islam dan masyarakat, kajian ini turut menjadi kepentingan kepada penyelidik. Penyelidik boleh melakukan kajian dengan bagi menambak ruang pembelajaran al-Quran kepada MBK terutama kepada murid bermasalah pembelajaran. Fungsi pengajaran mengikut model Ibnu Khaldūn boleh diperkenalkan kepada MBK bagi melihat kesesuaian model pendidikan melalui teori Ibnu Khaldūn yang memberi fokus kepada MBK. Teori *Malakah* dan *Tadrij* boleh di adaptasi dalam bidang pendidikan khas terutama bagi pengajaran al-Quran dalam subjek pendidikan Islam.

## **1.7 Batasan Kajian**

### **1.7.1 Batasan Tajuk**

Tajuk: Kajian ini hanya dibataskan mengenai keberkesanan kaedah *Haraki* dalam pembelajaran tilawah al-Quran murid berkeperluan khas (MBK) bermasalah pembelajaran: Kajian di daerah Jerantut. Kajian ini memberi fokus kepada murid bermasalah pembelajaran kefungsi sederhana.

### **1.7.2 Batasan lokasi**

Kajian ini dilakukan di negeri Pahang di daerah Jerantut, negeri Pahang bagi memenuhi kajian berbentuk kuasi eksperimen  $n > 10$  ). Justifikasi pemilihan lokasi adalah kerana bilangan MBK di daerah Jerantut lebih ramai berbanding murid MBK daerah lain. Selain itu, pengajaran kaedah *Haraki* di Negeri Pahang bermula di daerah Jerantut malah kaedah *Haraki* lebih popular di daerah ini berbanding kaedah lain. Manakala lokasi sekolah yang terlibat adalah sekolah menengah yang mempunyai PPKI sahaja.

### **1.7.3 Batasan Sampel**

Kajian eksperimen ini tertumpu kepada murid berkeperluan khas masalah pembelajaran yang mengikuti KSSM kefungisian sederhana.

### **1.7.4 Batasan Ayat**

Ayat yang diuji dalam eksperimen ini iaitu surah *al-Isra* ayat 23 kerana ayat ini merupakan antara ayat yang terdapat dalam pembelajaran tilawah KSSM kefungisian Sederhana. Selain itu, ayat ini dipilih berbanding ayat tilawah lain kerana ayat tilawah lain merupakan surah lazim yang telah dipelajari oleh murid di sekolah rendah seperti surah al-Falaq, an- Nas, al-Ikhlas. Begitu juga ayat kursi merupakan ayat yang telah murid membaca setiap hari Jumaat. Sekiranya ayat ini dipilih sudah pasti akan mengganggu kebolehpercayaan keputusan ujian murid.

## 1.8 Definisi Operasional

Beberapa istilah yang diguna pakai dalam kajian ini memerlukan pendefinisian istilah atau operasi khusus dalam kajian.

### 1.8.1 Keberkesanan

Keberkesanan yang dimaksudkan oleh pengkaji dalam kajian ini ialah keberkesanan kaedah pengajaran kaedah *Haraki*. Keadaan ini bertepatan dengan pendapat Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri yang menyatakan bahawa keberkesanan kaedah pengajaran adalah berkait rapat dengan guru serta bersesuaian dengan kaedah pengajaran yang digunakan di dalam kelas.<sup>59</sup> Manakala Rahimah Ahmad menyatakan bahawa keberkesanan dalam pembelajaran ialah kejayaan seorang guru sebagai penyampai murid yang terdapat dalam sukatan pelajaran, pembimbing, membangkit minat murid dalam memulakan proses mempelajari ilmu.<sup>60</sup> Kajian ini menjurus kepada keberkesanan kaedah *Haraki* dalam pembelajaran tilawah al-Quran MBK Kefungsian Sederhana.

### 1.8.2 Kaedah *Haraki*

Kalimah *Haraki* dinisbahkan kepada perkataan arab *harakah* yang berasal dari perkataan *haruka*, *yahruku*, *harkan* dan *harakatan* yang bermaksud pergerakan. Perkataan *harakah* merupakan antonim kepada perkataan *sukun* iaitu kaku atau tidak bergerak.<sup>61</sup> Perkataan *Haraki* dipilih sebagai nama kaedah ini kerana kaedah ini

---

<sup>59</sup> Kamarul Azmi Jasmi dan Ab Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam:Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, halaman 59

<sup>60</sup> Rahimah Ahmad (1992) Peningkatan Produktiviti Guru: Saranan dan Tindakan. *Jurnal Masalah Pendidikan*,,halaman 36

<sup>61</sup> Abduh, Daud et al. tp, tt. *Al-Mu`jam al-asasi al-Arabi*, ,halaman 309